

06/03/2004

Kekontangan isu pilihan raya

Mior Kamarul Shahid

RASANYA ramai setuju pilihan raya umum ke-11, 21 Mac ini boleh dikatakan tidak ada isu besar yang akan dibangkitkan sepanjang tempoh berkempen. Ini tidak bermakna pilihan raya menjadi lesu. Dalam sejarah pilihan raya di negara ini, ketiadaan isu besar juga boleh menimbulkan kegawatan. Parti pembangkang tidak akan membenarkan parti pemerintah menang mudah.

Parti yang bertanding tidak akan mensia-siakan waktu berkempen. Kempen adalah ruang yang dibenarkan oleh undang-undang bagi memaklumkan perjuangan, ideologi dan matlamat parti kepada pengundi. Berkempen adalah proses pemujukan amat penting bagi mempengaruhi pengundi membuat penilaian akhir sebelum membuat keputusan di peti undi.

Tanpa isu bermakna parti pembangkang terpaksa mencipta isu. Isu lama akan dihidupkan dengan nada baru.

Tanpa isu boleh menukar taktik parti lawan untuk menyerang personaliti seseorang. Serangan ke atas personaliti biasanya penuh dengan unsur tuduhan, ada kalanya fitnah. Semua ini berlaku kerana kekontangan isu nyata.

Isu nyata adalah peristiwa atau keadaan yang berkait rapat dengan kepentingan masyarakat umum dan memberi kesan kepada negara. Isu ekonomi biasanya dikaitkan dengan isu nyata. Ekonomi negara berkembang baik. Oleh itu, tidak ada isu ekonomi pada pilihan raya kali ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru lagi mengambil alih jawatan Oktober lalu. Oleh itu, pembangkang teraba-raba untuk mencari kelemahan pentadbiran baru. Tambahan pula, beberapa dasar yang cuba diperkenalkan terlalu awal untuk dikritik. Mengkritik dasar baru yang belum teruji hanya membuktikan kegelojohan pembangkang. Mereka kecundang lagi jika isu dasar Perdana Menteri cuba disemarakkan.

Bagaimanapun, ketiadaan isu nyata akan meramaikan golongan yang mencipta isu. Isu kecil dibesar-besarkan. Sesuatu isu tercetus daripada maklumat kontroversi yang dihebahkan hingga menjadi topik perbualan secara terbuka melalui media dan menjadi bahan percakapan kempen yang paling prominen.

Pada pilihan raya, isu boleh dianggap sebagai perlambangan untuk menolak kebenaran atau kebenaran menolak kejahatan. Rangkuman kepada semua ini bolehlah diandaikan bahawa pilihan raya yang kosong isu nyata, akan diisi dengan isu provokatif.

Isu biasanya dicetuskan oleh parti pembangkang sebagai lambang penafian terhadap pemerintah. Isu juga adalah lambang untuk mempertikaikan kewibawaan personaliti atau sesuatu kejayaan. Pembangunan Putrajaya pernah menjadi isu panas tetapi isu itu terbenam selepas rakyat sedar kepentingannya.

Isu disemarakkan semata-mata untuk mencetuskan konflik. Perkara baik dilaksanakan kerajaan cuba ditonjolkan sebagai suatu yang buruk, kejayaan digambarkan sebagai kegagalan, bersih cuba dihitamkan dengan sesuatu yang dilihat kotor, yang kecil dibesarkan dan yang besar dikecilkan.

Contoh jelas ialah kecaman terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika menjadi Perdana Menteri, yang digambarkan sebagai diktator dan mahazalim, manakala Datuk Seri Anwar Ibrahim pula cuba ditonjolkan sebagai mangsa kezaliman dan teraniaya.

Di negara bertamadun yang mengamalkan sistem demokrasi, isu yang disemarakkan parti pembangkang sebagaimana dilakukan Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan), DAP dan sebagainya, tidak lagi mendapat tempat. Isu seperti 'undi Pas masuk syurga', umpamanya, adalah isu kelas rendah.

Isu seperti ini dianggap penghinaan kepada masyarakat kampung atau golongan berpendidikan rendah. Orang kampung menganggap isu 'masuk syurga' yang digembar-gembur oleh Pas mengandungi unsur cubaan menipu masyarakat yang mereka anggap cetek daya pemikiran.

Sebaliknya, pembangkang beranggapan isu seperti itu boleh mempengaruhi sikap pengundi.

Secara perbandingan, mutu isu seperti ini jauh ketinggalan berbanding isu yang dibangkitkan pembangkang pada Pilihan Raya Umum 1999. Selepas rakyat dibawa ke medan kempen membincangkan secara menyeluruh isu kehakiman, keluhuran undang-undang dan gerakan reformasi yang turut menarik perhatian dunia, pada pilihan raya lalu, kali ini isu 'masuk syurga' dilihat tidak menepati selera pilihan raya.

Begitu juga, isu orang Umno kafir yang mampu menghangat suasana dalam dua pilihan raya lalu, kini tidak boleh lagi dijadikan senjata oleh pembangkang.

Pada pilihan raya di negara yang bertamadun terutama dalam masyarakat yang mengamalkan kebebasan sivik, gerakan memancing undi berfokus kepada persoalan yang bersifat global seperti dasar luar negara, undang-undang antarabangsa dan hak asasi, kecacatan perlembagaan, keselamatan nasional, kebebasan beragama dan antidiskriminasi, bergantung kepada keadaan di sesebuah negara.

Isu setempat pula hanya berfokus soal kesejahteraan rakyat, kebajikan sosial seperti penjagaan mutu kesihatan, perumahan, pengangguran dan isu lain yang bersifat nasional walaupun mempunyai kaitan dengan masalah tempatan.

Isu jambatan rosak, bekalan air terputus dan wakil rakyat tidak hadir pada majlis perkahwinan dianggap bukan isu pilihan raya. Ia adalah isu pentadbiran dan rutin.

Di negara maju, serangan ke atas watak memang wujud terutamanya jika membabitkan skandal. Walau pun isu skandal hubungan seseorang pemimpin dengan wanita dijadikan isu perbincangan, ia tidak begitu mempengaruhi pengundi disebabkan nilai dan norma hidup yang berbeza. Mereka lebih berminat kepada skandal besar seperti pembelian senjata, punca peperangan, pakatan sulit untuk mencero boh negara lain dan sebagainya. Mungkin perbezaan budaya membezakan penilaian pengundi negara ini dengan negara maju lain.

Kekeringan isu akan menyebabkan pembangkang banyak memperkatakan isu provokatif. Isu agama yang disemarakkan oleh Pas sebenarnya adalah isu provokatif, bukan isu sebenar pilihan raya. Tanpa pilihan raya pun isu itu berkumandang. Bagi mereka yang mengkaji budaya dan sejarah, isu provokatif yang biasanya bersifat melulu, mempunyai terlalu banyak unsur retorika kerana tidak menepati konteks.

Isu yang mampu mempengaruhi pilihan raya biasanya beralas dan mempunyai elemen kebolehpercayaan yang tinggi. Sekarang adalah zaman pemodenan ekonomi dan teknologi. Kemajuan mempunyai kaitan rapat dengan pemodenan budaya dan pemikiran. Oleh itu, apa juga topik isu yang disemarakkan dalam pilihan raya kali ini seharusnya melambangkan pemikiran rakyat Malaysia yang progresif, bukan isu zaman lampau.